

**Hubungan Etnik Perlu Diurus Dengan Baik - Penganalisis Politik
Bernama
05 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Malaysia perlu mempunyai pengurusan hubungan etnik yang berkesan untuk memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini terus berada dalam suasana yang harmoni, kata penganalisis politik Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian.

Pensyarah Antropologi dan Sosiologi, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) itu berkata proses hubungan etnik mesti dijaga dan diurus dengan baik kerana ia kemungkinan terancam oleh politik perkauman yang semakin membesar.

"Kita belum sampai tahap melangkaui pengurusan hubungan etnik kerana proses sosialisasi kita masih lagi diperhebatkan dengan nilai-nilai kaum atau etnik masing-masing," katanya.

Sivamurugan berkata demikian semasa membentangkan kertas kerja bertajuk Perpaduan dari Perspektif Perlembagaan Persekutuan pada Seminar Perlembagaan Malaysia 'Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa' di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini, Khamis.

Seminar dianjurkan oleh Arkib Negara itu bertujuan menyelami maksud sebenar Perlembagaan Negara dan menyebarkan kefahaman mengenainya kepada masyarakat awam khususnya generasi muda.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678375>